

03/03/1997

Agong kirim perutusan tahniah kepada Raja Hassan

KUALA LUMPUR, Ahad - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menghantar perutusan tahniah kepada Raja Hassan II sempena Hari Kebangsaan Maghribi yang ke-36 hari ini.

Seri Paduka berdoa semoga Maghribi terus menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran, kata Seri Paduka dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Abdellatif Filali dengan menyatakan Malaysia mengulangi hasrat untuk memperkukuhkan lagi kerjasama di antara kedua-dua negara dalam bidang perdagangan dan ekonomi.

"Saya yakin ini akan meningkatkan interaksi antara rakyat kedua-dua negara yang memberi manfaat bersama," kata Perdana Menteri.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi menghantar perutusan yang sama kepada Filali, yang juga Menteri Luar Maghribi dengan harapan kerjasama di antara Malaysia dan Maghribi akan terus kukuh dan berkembang. - Bernama

(END)